

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 9/10/2010

# Dr. Mahathir selamat pulang

Oleh RAJA SYAHRIR ABU BAKAR  
syahrir.bakar@utusan.com.my

**SUBANG** 8 Okt. – Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad selamat pulang ke tanah air dari Melbourne, Australia pada pukul 8.25 malam tadi, setelah dimasukkan ke hospital kerana jangkitan kuman di dada.

Beliau yang menaiki pesawat khas mendarat di Lapangan Terbang Sultan Abdul

Aziz Shah, Subang dengan diiringi isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Ketibaan beliau disambut oleh beberapa kenamaan antaranya bekas penasihat agamanya, Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman; Pengerusi Proton, Datuk Nadzmi Mohd. Salleh dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Proton, Datuk Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir serta anggota keluarga terdekat.

Dr. Mahathir dilihat melemparkan senyuman serta melambaikan tangan kepada kira-kira 80 penyokong Barisan Nasional (BN) dan anggota Perkasa yang menunggu di laluan keluar daripada lapangan terbang itu dari dalam kereta yang membawanya.

Beliau dan isteri kemudiannya meninggalkan pekarangan lapangan terbang itu untuk pulang ke rumahnya di The Mines, Seri Kembangan dekat sini.

Ahli Dewan Tertinggi Perkasa, Abdullah Mansor ketika ditemui pemberita berkata, kehadiran mereka adalah bagi memberikan sokongan moral kepada Dr. Mahathir ekoran kenyataan biadab Naib Presiden Parti Keadilan (PKR), Azmin Ali terhadap bekas Perdana Menteri itu, baru-baru ini.

Dr. Mahathir dimasukkan ke Hospital Epworth di Melbourne Sabtu lalu kerana jangkitan kuman di dada

namun dibenarkan keluar dari hospital itu pada hari Selasa dan kemudiannya berehat di sebuah hotel di Melbourne sebelum pulang ke tanah air hari ini.

Bekas Perdana Menteri itu berada di Australia kerana dijadual berucap kepada penuntut Malaysia dalam satu bengkel di Melbourne Sabtu lalu, namun dibatalkan ekoran keadaan kesihatannya itu.